

R 8836 DEB

MAHATHIR - LAYANAN

1985

PULAU PINANG, 2 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN PUSAT SEBOLEH-BOLEHNYA HENDAK BERLAKU ADIL KEPADA SEMUA KAUM DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI DALAM MEMBERIKAN LAYANANNYA.

KATANYA BELIAU SEDAR BAHAWA BANYAK PERASAAN TIDAK PUAS HATI TIMBUL MENGENAI HAL ITU BAIK DI KALANGAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM MAHUPUN DI KALANGAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN KEPADA LEBIH 10,000 ORANG DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAYAN LEPAS SEBAIK SAHAJA TIBA DARI KUALA LUMPUR DALAM RANGKA LAWATAN RASMINYA DUA HARI KE NEGERI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA MASING-MASING KAUM DAN NEGERI BERPENDAPAT MEREKA TIDAK MENDAPAT LAYANAN YANG SEWAJARNYA DARIPADA KERAJAAN PUSAT.

KATANYA, +ADA KAUM DAN KUMPULAN YANG BERFIKIR MEREKA TIDAK MENDAPAT APA YANG MENJADI HAK KEPADA MEREKA DAN ADA JUGA NEGERI-NEGERI YANG BERPENDAPAT BAHAWA PERUNTUKAN YANG DIBERIKAN KEPADA NEGERI OLEH KERAJAAN PUSAT TIDAKLAH SAMA SEPERTI YANG DIBERIKAN KEPADA NEGERI-NEGERI LAIN.+ -- LAGI.

1237MST 02 08 85

MAHATHIR - LAYANAN 2 PULAU PINANG

PERDANA MENTERI BERKATA SEBENARNYA KERAJAAN CUBA BERLAKU ADIL KEPADA SEMUA PIHAK DAN KERAJAAN TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMUASKAN HATI SEMUA ORANG DI DALAM NEGARA YANG BERBILANG KAUM DAN BERBILANG NEGERI INI.

KATANYA SETIAP KAUM DAN SETIAP NEGERI AKAN BERASA BAHAWA IA TIDAK DIBERI LAYANAN YANG SEWAJARNYA DAN PERASAAN TIDAK PUASHATI TENTU AKAN WUJUD.

+JIKA PERASAAN INI WUJUD DI KALANGAN SEMUA NEGERI DAN SEMUA KAUM, MAKA KITA PERCAYA BAHAWA DASAR KITA ADALAH DASAR YANG BAIK.

+KALAU PUN KITA TIDAK MUNGKIN MEMUASKAN HATI SEMUA ORANG, TETAPI SEKURANG-KURANGNYA KITA TIDAK MEMUASKAN HATI SAMA BANYAK KEPADA SEMUA PIHAK.

+JADI KALAU ADA PERASAAN TIDAK PUASHATI DI KALANGAN KAUM DAN DI KALANGAN NEGERI KERANA LAYANAN YANG KONONNYA TIDAK BAIK, MAKA INI PETANDA BAHAWA KEADILAN BERLAKU IAITU SEMUANYA TIDAK DAPAT SEPERTI YANG DIKEHENDAKKI OLEH MEREKA,+ TAMBAH PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1256MST 02 08 85

MAHATHIR - LAYANAN 3 PULAU PINANG ✓

PERDANA MENTERI BERKATA PULAU PINANG MERUPAKAN SEBUAH NEGERI YANG TELAH MAJU SEJAK DAHULU LAGI IAITU SEJAK ZAMAN BRITISH YANG MEMBERI KEUTAMAAN DAN TUMPUANNYA TERHADAP PEMBANGUNAN NEGERI KETIKA ITU.

KATANYA SEJAK NEGARA MENCAPI KEMERDEKAAN, KERAJAAN PUSAT JUGA MEMBERI TUMPUAN KEPADA PULAU PINANG SUPAYA PEMBANGUNANNYA TIDAK TERGANGGU SEMENTARA PEMBANGUNAN DI NEGERI-NEGERI LAIN DAPAT DILAKSANAKAN.

MENURUTNYA BANYAK JUGA PERUNTUKAN DIBERIKAN KEPADA NEGERI INI OLEH KERAJAAN PUSAT SEHINGGA ADA YANG BERPENDAPAT BAHAWA KERAJAAN PUSAT TELAH BERBELANJA TERLALU BANYAK UNTUK PULAU PINANG.

TETAPI, PERDANA MENTERI BERKATA INI TIDAK BENAR KERANA PERBELANJAAN UNTUK NEGERI DILAKUKAN SECARA ADIL TETAPI OLEH KERANA NEGERI INI MERUPAKAN KAWASAN YANG KECIL MAKA PEMBANGUNANNYA TERNAMPAK SANGAT SEOLAH-OLAH BANYAK TUMPUAN DIBERIKAN KEPADA PULAU PINANG.

MENURUTNYA INILAH YANG MENYEBABKAN TIMBUL PERASAAN IRIHATI DAN TIDAK PUASHATI DI KALANGAN SETENGAH-SETENGAH PIHAK WALAUPUN PEMBAHAGIAN PERUNTUKAN DIBUAT DENGAN ADIL KEPADA NEGERI INI SAMA SEPERTI UNTUK NEGERI-NEGERI LAIN.

-- LAGI.

1312MST 02 08 85

MAHATHIR - LAYANAN 4 PULAU PINANG

PERDANA MENTERI BERKATA ANTARA PERUNTUKAN YANG DIBERIKAN KEPADA NEGERI INI IALAH PEMBINAAN JAMBATAN YANG MENGHUBUNGKAN PULAU INI DENGAN SEBERANG PERAI YANG MERUPAKAN SATU PEMBERIAN BESAR DARIPADA KERAJAAN PUSAT.

KATANYA PROJEK ITU DIPUTUSKAN JAUH LEBIH AWAL LAGI SEBAGAI SATU PERJANJIAN YANG DIBUAT DALAM PILIHANRAYA 1969 OLEH PARTI YANG MENJADI KERAJAAN PADA MASA ITU YANG DIPIMPIN OLEH DR. LIM CHONG EU.

USAHA ITU TELAH DIJALANKAN DARIPADA ZAMAN TUNKU ABDUL RAHMAN, TUN ABDUL RAZAK, TUN HUSSEIN ONN DAN SEHINGGA SEKARANG SEWAKTU BELIAU MENJADI PERDANA MENTERI IANYA MENCAPI MATLAMATNYA.

MENURUT PERDANA MENTERI IA MERUPAKAN SATU USAHA YANG DIJANJIKAN UNTUK RAKYAT DAN SEBAGAI KERAJAAN YANG TIDAK MEMUNGKIRI JANJI IA MESTI DITUNAIKAN.

BELIAU BERHARAP USAHA ITU TIDAK DISALAH TAFSIRKAN OLEH SESETENGAH PIHAK SEBAGAI SATU USAHA YANG TIDAK MEMBAWA FAEDAH KEPADA SESIAPA KERANA IA SEBENARNYA MENDATANGKAN FAEDAH BUKAN SAHAJA KEPADA PENDUDUK NEGERI INI TETAPI JUGA PENDUDUK NEGERI-NEGERI YANG BERDEKATAN SEPERTI PERLIS, KEDAH DAN PERAK. -- BERNAMA

1335MST 02 08 85